



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

15 MAC 2021 (ISNIN)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

15 MAC 2021 (ISNIN)



PEKERJA pembekal telur di Kuala Lumpur memeriksa bekalan telur yang baru sampai dari Pahang. Menurutnya, tiada isu kenaikan harga telur kerana bekalan ada berlebihan dan harga turun mendasarkan menyebabkan pembekal menanggung kerugian.

Kuala Lumpur

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menasihati pengguna supaya tidak melakukan pembelian panik telur sehingga mengganggu bekalan di negara ini susulan laporan penarikan balik telur keluaran sebuah syarikat Malaysia daripada pasaran Singapura.

Menurut kenyataan Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP, bahagian berkenaan sedang menilai kesan terhadap bekalan telur di negara ini susulan tindakan pihak berkusa Singapura yang dibuat sebagai langkah berjaga-jaga berikutnya dakwaan penemuan bakteria *Somanella Enteritidis* (SE).

"Fokus tindakan KPDNHEP ialah pemantauan rapat terhadap kedudukan bekalan telur di pasaran susulan daripada isu penemuan itu."

"Pemantauan bekalan ditingkatkan di setiap rantau pengedaran dan pembekalan telur untuk meng-

Jangan cuba naikkan harga

KPDNHEP beri amaran ekoran langkah Singapura larang penjualan telur dari Malaysia

esan kawasan dijangka terjejas keberadaan bekalan telur.

"KPDNHEP juga mengadakan sesi libat urus bersama pemain industri dan pengeluar ayam dalam negara untuk siap siaga menjalankan proses pengeluaran bekalan telur bagi menampung sebarang risiko gangguan bekalan telur dalam negara sekiranya berlaku," menurut kenyataan itu.

Sehubungan itu juga KPDNHEP mengingatkan peniaga supaya tidak mengambil kesempatan menaikkan harga telur dan mereka yang didapati berbuat demikian

boleh dikenakan tindakan dibawah Seksyen 14(1) Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

"Sekiranya disabitkan kesalahan, peniaga boleh dikenakan denda hingga RM500,000 sekiranya suatu perbadanan/syarikat dan bagi bukan perbadanan/individu boleh dikenakan denda hingga RM100,000 atau dipenjarakan hingga tiga tahun atau kedua-duanya," katanya.

Di samping itu, KPDNHEP juga meminta pengguna menyalurkan maklumat berhubung salah laku peniaga melalui talian 1-800-886-800 atau aplikasi

WhatsApp di talian 019-279 4317.

Media semalam melaporkan Singapura mengarahkan empat pengimpornya menarik balik telur keluaran Lay Hong Berhad Layer Farm Jeram di Malaysia daripada pasaran republik itu sebagai langkah berjaga-jaga.

Menurut Agensi Makanan Singapura (SFA), arahan itu dibuat berikutnya penemuan bakteria SE pada produk tersebut yang boleh menyebabkan penyakit bawaan makanan sekiranya produk berkenaan dimakan mentah atau separuh masak. - Bernama

Orang ramai dinasihatkan tidak buat pembelian panik

SHAH ALAM - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menasihati orang ramai supaya tidak melakukan pembelian panik telur ayam berikutan laporan arahan penarikan balik ke atas sebuah syarikat Malaysia daripada pasaran Singapura.

KPDNHEP dalam satu kenyataan berkata, pihaknya sedang membuat penilaian kesan ke atas bekalan telur di pasaran domestik dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) serta Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Menurut KPdnHEP, setiap kementerian sedang bertindak mengikut bidang kuasa masing-masing.

"Fokus tindakan di bawah KPdnHEP adalah pemantauan rapi terhadap kedudukan bekalan telur di pasaran susulan isu tersebut.

"Pemantauan bekalan diperlakukan di setiap rantai peng-

edaran dan pembekalan telur untuk mengesan kawasan-kawasan yang dijangka terjejas keberadaan bekalan telur," menurut kenyataan itu pada Ahad.

Pada Sabtu, Singapura telah mengarahkan empat pengimpor untuk menarik balik pasaran telur yang dihasilkan daripada sebuah syarikat di Malaysia sebagai langkah berjaga-jaga.

Agensi Makanan Singapura (SFA) dalam laman sesawang mereka menyatakan, arahan itu dibuat berikutan penemuan Salmonella Enteritidis (SE) pada produk terbabit yang boleh menyebabkan penyakit jika makanan itu dimakan secara mentah atau separuh masak.

KPDNHEP turut mengadakan sesi libat urus bersama pemain industri dan pengeluar ayam dalam negara untuk menjalankan proses pengeluaran bekalan telur.

"Ini bagi menampung risiko gangguan bekalan telur dalam negara sekiranya berlaku," katanya.

KPDNHEP turut menasihati peniaga supaya tidak mengambil kesempatan dengan menaikkan harga telur.

Menurutnya, jika peniaga berbuat demikian, mereka boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 14(1), Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

"Mereka juga boleh dikenakan denda sehingga RM500,000 sekiranya suatu perbadanan atau syarikat. Bagi bukan perbadanan atau individu pula, mereka boleh dikenakan denda sehingga RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

KPDNHEP meminta orang ramai menyalurkan maklumat berkaitan salah laku peniaga yang melanggar undang-undang berkenaan.

"Mereka boleh salurkan maklumat ini melalui portal e-aduan kpdnhep ataupun aplikasi WhatsApp di talian **019-279 4317**," katanya.

Samples taken from farms in recalled eggs probe

KUALA LUMPUR: The Veterinary Services Department has conducted site visits to obtain samples from an egg producing company following the alleged discovery of Salmonella enteritidis (SE) in one of its consignments to Singapore.

The department said following a meeting with the management of Lay Hong Berhad Layer Farm in Jeram, Kuala Selangor, it found that only one of the 10 egg farms exported eggs to Singapore exclusively.

"We have obtained samples for SE screening from all farms owned by Lay Hong Berhad to ensure eggs produced by the company are free of SE."

"DVS is also not allowing the re-entry of said eggs into Malaysia and eggs produced by the affected farm is also prohibited from being sold locally until test results are obtained," it said in a statement yesterday.

On Saturday, Singapore instructed four importers to recall eggs supplied by a company in Jeram, Kuala Selangor, following the detection of Salmonella enteritidis in the product, as a precautionary measure.

The Singapore Food Agency said on its website that the directive was made following the discovery of SE on the product which, if consumed raw or half-cooked, could cause food-borne illness.

Earlier, the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry said it was assessing the impact on egg supply in the domestic market, jointly with the Veterinary Services Department and Health Ministry.



No reason to panic: The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry has advised consumers not to panic-buy eggs, which will disrupt supply in the country, following a report on the recall of eggs from the Singapore market. — Bernama

In a statement on Saturday night, the ministry's enforcement division said it was monitoring the situation following the move by the Singapore government.

The ministry also held engagement sessions with industry players and poultry producers in the coun-

try to be ready to carry out the egg production process to cover any risk of disruption in egg supply in the country.

"The ministry needs the cooperation of consumers to be prudent in making purchases and not contribute to the disruption of egg supply

due to panic buying," it said.

The ministry also warned traders not to take advantage of the situation by increasing egg prices. Traders can be subject to action under Section 14(1) of the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011, it added. — Bernama

HARI : ISNIN
TARIKH : 15/3/2021
M/SURAT : 16



Senarai Harga Barang Kepertuan

| | | | |
|------------------------------------|-----------------------------|------------------------------------|------------------------------------|
| Ayam RM5.99 | Telur Gred A RM7.99 | Gula Pasir RM2.85 | Cili Merah RM8.49 |
| Daging Lembu Tempatan RM34 | Ikan Kernbung RM9.99 | Bawang Besar Holland RM2.89 | Kubis Bulat Tempatan RM3.50 |
| Daging Lembu Import RM19.90 | Minyak Masak RM5.30 | Bawang Putih RM5.90 | Tepung Candum RM2.15 |

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(AGENSI KPDNHEP)**

15 MAC 2021 (ISNIN)

Inisiatif SSM bantu syarikat harungi cabaran COVID-19

Tindakan penggulungan jadi pilihan terakhir apabila entiti perniagaan terbabit mengambil tindakan rehabilitasi

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) akan meneruskan inisiatif yang dilaksanakan pada tahun 2020 bagi membantu entiti perniagaan di negara ini menghadapi era pandemik COVID-19.

Ketua Pegawai Eksekutif SSM, Nor Azimah Abdul Aziz, berkata ketika ini impak negatif tidak dapat dielakkan entiti perniagaan di negara ini, namun berharap ia dapat dikurangkan melalui pelbagai inisiatif yang diperkenalkan SSM.

Mekanisme penyelamat korporat

Katanya, dalam tempoh fasa pemulihran ekonomi akibat pandemik COVID-19 dan selepas tamat tempoh darurat, SSM akan mencadangkan pindaan kepada Akta Syarikat 2016 (AS 2016) dan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 (PLT 2012) untuk memperluaskan pemakaian peruntukan berhubung mekanisme penyelamat korporat dan menambah baik kerangka perundangan berkenaan penstrukturuan semula, agar kedudukan Malaysia selesa dengan amalan terbaik antarabangsa.

"Kerangka perundangan berkaitan rehabilitasi entiti perniagaan yang lebih komprehensif amat diperlukan dan ia komponen penting bagi memastikan entiti perniagaan terus berdaya saing."

"Tanpanya, entiti perniagaan seperti syarikat dan Perkongsian Liabiliti Terhad akan berisiko diambil tindakan penggulungan apabila ada masalah kewangan. Sedangkan, perniagaan terbabit mungkin berdaya maju," katanya.

Beliau berkata, inisiatif ini akan memberi implikasi perundangan positif dan komprehensif bagi memastikan entiti perniagaan seperti syarikat serta Perkongsian Liabiliti Terhad yang berdaya maju, diberikan perlindungan secukupnya, sekaligus terus beroperasi dalam tempoh pascapandemik COVID-19.

Tegasnya, tindakan penggulungan akan dijadikan pilihan terakhir setelah entiti perniagaan terbabit mengambil tindakan rehabilitasi untuk menyelamatkan aktiviti perniagaannya.

"Dalam merangka dasar yang dijadikan sebagai asas kepada penggulungan Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) dan Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan), SSM telah menerbitkan satu Dokumen Konsultasi berhubung draf Rang Undang-undang (RUU) itu. Ia bagi mendapatkan maklum balas daripada pihak

berkepentingan yang secara dasarnya menyokong dan bersetuju dengan dasar terkandung di dalam draf RUU berkenaan.

"Draf RUU itu sedang disemak oleh Jabatan Peguam Negara untuk dimuktamadkan agar melalui proses gubalan ke Parlimen kelak," katanya.

Nor Azimah berkata, sejak AS 2016 dikuatkuasaan, SSM menerima banyak permintaan dan cadangan untuk mengkaji skop pemakaian mekanisme penyelamat korporat, agar lebih banyak syarikat dapat memanfaatkan mekanisma rehabilitasi ini.

"Pendekatan lebih fasilitatif dicadangkan oleh SSM bertujuan, memberikan syarikat pelbagai pilihan dalam amalan penstrukturuan semula atau langkah-langkah rehabilitasi.

"SSM mencadangkan polisi baharu diperkenalkan seperti penambahbaikan mekanisme skim kompromi atau perkiraan termasuk memberi kuasa kepada mahkamah untuk memberikan 'tempoh masa moratorium' automatik selama 60 hari' apabila permohonan perintah halangan dibuat dan tempoh itu belum dilanjutkan untuk tidak lebih dari 10 bulan."

"Selain memberi kuasa kepada Mahkamah untuk menghalang prosiding terhadap subsidari atau syarikat pemegangan atau syarikat induk yang menjadi komponen utama dalam skim kompromi atau perkiraan yang dicadangkan," katanya.

Cadangan lain katanya, mencadangkan pindaan melalui Ordinan Darurat agar penambahbaikan segera dibuat bagi memperkenalkan mekanisme penyelamat korporat.

Pindaan ini membolehkan syarikat bermasalah kewangan melaksanakan proses rehabilitasi serta dapat terus berdaya saing dalam situasi pandemik semasa.

Ini termasuk memperluas pemakaian mekanisme penyelamat syarikat kepada semua jenis syarikat kecuali institusi yang dilesekan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan syarikat yang dilulus atau diaftarkan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 atau Akta Perindustrian Sekuriti (Depotitor Pusat) 1991.

Pada masa sama, SSM turut mencadangkan supaya memperkenalkan peruntukan untuk menangani fasal penamatian kontrakual bagi memastikan bekalan barang dan perkhidmatan masih berterusan.

"Polisi yang diperkenalkan di ba-

wah cadangan RUU Syarikat (Pindaan) 2020 akan memberi impak yang positif terhadap persekitaran korporat di negara ini.

"Malah, ia dapat membudayakan semangat untuk menjalankan perniagaan secara telus dan mematuhi segala perundangan yang ditetapkan serta memastikan syarikat ditadbir urus dengan lebih telus dan cekap."

"Penambahbaikan perundangan yang sentiasa dinamik dan menyeluruh juga akan membantu negara untuk menjadi destinasi pelaburan kompetitif," katanya.

Pemunya benefitis

Nor Azimah berkata, SSM turut memperkenalkan peruntukan mengenai pemgunaan benefitis (BO) dalam RUU Syarikat (Pindaan) 2020 dan RUU Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2020 yang bertujuan, memperkuatkannya tadbir urus korporat serta meningkatkan ketelusan korporat dalam kerangka pelaporan BO dalam sektor korporat di Malaysia.



Katanya, dalam AS 2016, SSM turut memperkenalkan kerangka pelaporan BO dengan mendefiniskan BO di bawah Seksyen 2 dan memberi kuasa kepada syarikat untuk membuat maklumat pemilikan bermaafat dari anggotanya menurut Seksyen 56.

Jelasnya, peruntukan ini diperkenalkan berdasarkan kepada juri yang dikenal pasti oleh Financial Action Task Force (FATF) melalui Laporan Penilaian Bersama Malaysia yang diterbitkan pada tahun 2015 (MER 2015).

"Sejak pelaksanaan AS 2016 pada 31 Januari 2017, usaha yang ketara untuk menambahbaik kerangka pelaporan BO di Malaysia telah diwujudkan.

"Berdasarkan maklum balas dari FATF dan sejarah dengan penambahbaikan perundangan yang dibuat negara lain seperti Hong Kong dan Singapura, SSM memulakan kajian mendalam mengenai pe-

| 9 INISIATIF SSM 2021 | | BANTU KOMUNITI PERNIAGAAN SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN |
|--|--|--|
| 1. Memperkenalkan Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP). | | |
| 2. Meneruskan pelaksanaan SKIM 1 OKU1 Perniagaan (S1OKU1). | | |
| 3. Melanjutkan tempoh masa pendaftaran SSM Biztrust secara percuma. | | |
| 4. Mengecualikan kompaun atas kelewatan pembaharuan dan kelewatan mendaftarkan perniagaan. | | |
| 5. Mengurangkan kompaun sebanyak 90% daripada nilai asal bagi pemohonan pembatalan nama-syarikat di bawah Seksyen 549/550 Akta Syarikat 2016. | | |
| 6. Memperkenalkan insentif : Menaikkan nilai ambang keterhutangan dari RM10,000 kepada RM50,000; dan melanjutkan tempoh menjawab notis tuntutan dari 21 hari kepada 6 bulan. | | |
| 7. Mengiktiraf semua 20 mata Continous Professional Education (CPE) setahun dikuantipul bagi tujuan pembaharuan sijil amalan setiausaha syarikat. | | |
| 8. Mencadangkan pindaan bagi penambahbaikan perundangan Akta Syarikat 2016 diperkenalkan berkaitan mekanisme penyelamat korporat (Corporate Rescue Mechanism). | | |
| 9. Mengubah undang-undang bagi memperkenalkan Corporate Rescue Mechanism (CRM) kepada entiti perkongsian liabiliti terhad yang menghadapi masalah kewangan. | | |
| Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang inisiatif ini, sila laman web www.ssm.com.my | | |

rangka pelaporan BO pada tahun 2019 dan pada bulan Mac 2020 untuk membantu industri dalam pelaporan BO yang lebih komprehensif," katanya.

Inisiatif SSM galak rakyat berniaga

Mengenai inisiatif bagi mengalakkan lebih ramai mencebur ke perniagaan, katanya pelbagai program sudah diperkenalkan SSM.

Program itu merangkumi pe-

siatif untuk memperkenalkan Incentif OKU 2012 dan dijenamakan semula kepada Skim 1 OKU 1 Perniagaan (S1OKU1).

"Melalui skim ini, golongan OKU boleh mendaftar dan memperbaiki perniagaan setiap tahun secara percuma bagi perniagaan milik mereka," katanya.

Nor Azimah berkata, bagi meringankan bebanan perniagaan semasa tempoh pandemik COVID-19, SSM turut melaksanakan beberapa usaha untuk membantu komuniti perniagaan.

Beliau berkata, antaranya menyediakan perkhidmatan dalam talian SSM yang mudah dicapai dan memperkenalkan program Latihan-Korporat SSM yang sebelum ini dilaksanakan secara fizikal, telah dilaksanakan sepenuhnya secara dalam talian.

Pengurangan kompaun 90 peratus

"SSM juga menawarkan pengurangan kompaun sebanyak 90 peratus daripada nilai asal kompaun bagi pemohonan pembatalan nama-syarikat di bawah Seksyen 549/550 Akta Syarikat 2016.

"Contohnya, pada 23 Disember 2020, SSM melancarkan Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) dengan menawarkan pendaftaran perniagaan percuma melalui pengecualian fi kepada pelajar, beila B40 dan ibu tunggal B40.

"SPPP yang telah dilancarkan pada 23 Disember 2020 lalu kini merangkumi semua bakal usahawan kumpulan B40 dan tidak lagi terhad kepada usahawan dari kalangan beila dan ibu tunggal B40 serta pelajar sahaja.

"SSM menjangkakan skim ini akan memanfaat 180,000 individu golongan sasaran untuk menceburi bidang perniagaan.

"Bagi menggalakkan pendaftaran perniagaan dalam kalangan golongan OKU, SSM mengambil ini-

"Terdapat sembilan inisiatif yang diperkenalkan oleh SSM pada tahun ini bagi membantu komuniti perniagaan di negara ini untuk mendepani cabaran penularan pandemik COVID-19.

"Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut berkenaan kesemua sembilan inisiatif SSM boleh melayari portal rasmi SSM di www.ssm.com.my" katanya.